



### Konsert Terowong Masa II Cungkil Bakat Staf



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (tengah) bersama barisan pemenang.*

**SERDANG, 29 Dis** –Konsert Terowong Masa II berjaya mencungkil bakat staf Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang muzik dan nyanyian.

Adidi Tamin dari Unit Seni Budaya dan Kreatif, Bahagian Hal Ehwal Pelajar muncul sebagai johan diikuti tempat kedua Mohd Hafizzuddin Abdul Halim dari Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset manakala tempat ketiga oleh Zainal Abidin Salleh dari Institut Biosains.

Konsert yang dianjurkan oleh Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) di sini turut dihadiri oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Konsert berkonsepkan pertandingan nyanyian yang telah disertai oleh wakil dari setiap Pusat Tanggungjawab UPM dan turut menampilkan beberapa artis tanah air seperti Azmyl Yuno, Kumpulan Fieldplayers dan Dato' Malek Ridzuan.



*Adidi Tamin dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UPM menerima hadiah daripada Naib Canselor UPM.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. Maklumat lanjut sila hubungi Mohd Zulhafis Zulkeply 03-89467527 atau Ili Syazwani Zahimi (012-3764581)**